

Rujukan : CIDBIBS/BD/P092/2024/JLD1 (33)  
Tarikh : 9 Oktober 2024

**YBhg. Ir. PROFESOR DR. JEFFREY CHIANG CHOONG LUIN**

President,  
The Institution of Engineers Malaysia (IEM),  
Bangunan Ingenieur, Lot 60/62,  
Jalan 52/4, Peti Surat 223 (Jalan Sultan),  
46720 Petaling Jaya, Selangor.

Tuan,

**PERMOHONAN MEMPROMOSIKAN PROGRAM “BINA: IBS CONFERENCE 2024”  
BERSEMPENA MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA (INTERNATIONAL  
CONSTRUCTION WEEK – ICW) 2024**

---

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa CIDB IBS melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan menganjurkan Program “BINA: IBS Conference 2024” bersempena Minggu Pembinaan Antarabangsa (*International Construction Week – ICW*) dan bertemakan *Envisioning the Future of Construction*. Program ini bertujuan sebagai platform untuk mengentengahkan transformasi industri pembinaan ke arah pendigitalan dan pembinaan moden.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami berhasrat untuk memohon pertimbangan pihak Tuan dalam mempromosikan serta menghebahkan program ini menerusi laman sesawang dan media sosial organisasi pihak Tuan. Butiran program serta terma rujukan adalah seperti di **Lampiran A**. Pihak Tuan boleh mengesahkan penglibatan dengan menghantar semula surat pengesahan seperti di **Lampiran B** selewat-lewatnya 14 Oktober 2024 (Isnin).

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak Tuan boleh menghubungi pegawai kami di talian 03-9224 2280 / 011-2112 5952 (Ts. Muhammad Hanafi). Penglibatan dan kerjasama daripada pihak Tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,



(Ir. Ts. ZURAIHI ABDUL GHANI)  
Ketua Pegawai Eksekutif





## TERMA RUJUKAN

### MEMPROMOSIKAN PROGRAM “*BINA: IBS CONFERENCE 2024*”

#### 1. Tujuan

“*BINA: IBS Conference 2024*” merupakan satu persidangan yang dilaksanakan bersempena Minggu Pembinaan Antarabangsa (*International Construction Week - ICW*) pada ketetapan berikut:-

**Tarikh** : 22 Oktober 2024 (Selasa)  
**Masa** : 8.00 pagi – 5.00 petang  
**Tempat** : Novel Hall, Tingkat 1A, MITEC, Kuala Lumpur

Tujuan lantikan ini adalah sebagai rakan kerjasama dalam mempromosikan dan menghebahkan program “*BINA: IBS Conference 2024*” menerusi laman sesawang dan media sosial.

#### 2. Tugas dan Tanggungjawab

- 2.1 Mempromosi dan menghebahkan “*BINA: IBS Conference 2024*” menerusi laman sesawang dan media sosial rasmi organisasi.
- 2.2 Menyiarkan banner promosi Persidangan “*BINA: IBS Conference 2024*” di laman sesawang dan media sosial rasmi organisasi.
- 2.3 Menyiarkan artikel eksklusif mengenai Persidangan “*BINA: IBS Conference 2024*” di dalam bulletin rasmi organisasi.

#### 3. Hasil kepada Organisasi

- 3.1 Logo organisasi akan dipamerkan sebagai rakan kerjasama di dalam laman sesawang “*BINA: IBS Conference 2024*”.
- 3.2 Logo organisasi akan dipamerkan di dalam *marketing collateral* “*BINA: IBS Conference 2024*”.
- 3.3 Dua (2) tiket eksklusif sebagai peserta “*BINA: IBS Conference 2024*” kepada wakil organisasi.

\* Pihak CIDB IBS akan mengemukakan bahan hebahan selepas pengesahan daripada pihak organisasi

\* Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://binaconference.com/>

**SURAT PENGESAHAN  
MEMPROMOSIKAN PROGRAM “BINA: IBS CONFERENCE 2024”**

**Ketua Pegawai Eksekutif**  
CIDB IBS Sdn Bhd  
Lot 8, Jalan Chan Sow Lin  
55200 Kuala Lumpur.

Tuan,

**PENGESAHAN SEBAGAI RAKAN KERJASAMA DALAM MEMPROMOSIKAN  
PROGRAM “BINA: IBS CONFERENCE 2024” BERSEMPENA MINGGU PEMBINAAN  
ANTARABANGSA (INTERNATIONAL CONSTRUCTION WEEK - ICW)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami **\*bersetuju / tidak bersetuju** untuk menjadi rakan kerjasama dalam mempromosikan program **“BINA: IBS Conference 2024”**. Butiran pengesahan adalah seperti berikut:-

Nama	:	
Jawatan	:	
No. H/P	:	
Emel	:	

*\*Sila potong yang tidak berkenaan.*

Sekian, terima kasih.

-----  
(Nama dan Cop Organisasi)

Tarikh :